

UNTUK SIARAN SEGERA

GXBank dan Zurich Malaysia Menjalinkan Kerjasama 10 Tahun untuk Menangani Keperluan Insurans bagi Golongan Kurang Kemampuan

- *Produk pertama untuk rakyat Malaysia dijangka dilancarkan pada suku ketiga 2024*
- *Peningkatan kadar jenayah siber menambahkan risiko kewangan bagi rakyat Malaysia; penyelesaian disasarkan terutamanya untuk membantu komuniti rentan*



PETALING JAYA, 6 Mei 2024 – GX Bank Berhad (GXBank) dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad serta Zurich Life Insurance Malaysia Berhad mengumumkan kerjasama tiga pihak bankasurans eksklusif selama 10-tahun, untuk menyediakan produk perlindungan mikro bagi rakyat Malaysia yang kurang kemampuan.

Dengan memanfaatkan teknologi intuitif dan berpacuan data, GXBank akan mengenal pasti rungutan dan keperluan pelanggan, dan bekerjasama dengan Zurich Malaysia untuk menghasilkan produk insurans digital yang **inovatif dan mesra pengguna pada harga mampu milik**.

Produk pertama dijangka akan diperkenalkan oleh GXBank dan Zurich Malaysia pada suku ketiga tahun ini, dan bertujuan melindungi individu yang kurang kemampuan daripada transaksi tanpa kebenaran akibat jenayah siber, serta transaksi yang dicituskan oleh mesej penipuan elektronik.

Pei-Si Lai, Ketua Pegawai Eksekutif, GXBank, berkata kerjasama dengan Zurich Malaysia selaras dengan komitmen Bank untuk menyediakan penyelesaian perbankan yang sesuai untuk rakyat Malaysia yang kurang kemampuan. "Kerjasama ini membolehkan kami **menangani kebimbangan rakyat Malaysia terhadap keselamatan perbankan digital, dan melindungi mereka daripada sebarang situasi dan kewangan yang tidak diduga**. Sebagai sebuah bank digital yang baharu, kami teruja di atas peluang bekerjasama dengan Zurich Malaysia yang menawarkan perkhidmatan di 200 negara dan merupakan antara syarikat terkemuka yang sentiasa memacu transformasi

perkhidmatan insurans. Bersama-sama, kami berharap dapat menawarkan produk insurans yang memenuhi keperluan pelanggan dan mampu milik oleh rakyat Malaysia.”

Sependapat dengan Pei-Si, **Ketua Pegawai Eksekutif Negara/Ketua Zurich Malaysia, Junior Cho**, turut menghargai peluang kerjasama dengan bank digital pertama di Malaysia. Menurut Junior, “Bagi kebanyakan orang, keperluan perlindungan insurans sering dipertimbangkan antara kemampuan dan situasi kewangan mereka. Ditambah pula dengan pemahaman rendah tentang keperluan perlindungan insurans, faktor-faktor ini merupakan punca utama masyarakat, terutamanya golongan rentan, masih tidak memiliki insurans. Kerjasama jangka panjang dengan GXBank ini membolehkan kami lebih fleksibel dan cekap untuk menyediakan produk insurans mampu milik yang bersesuaian. Kami berharap dapat memperkasakan rakyat Malaysia demi masa depan dan kewangan mereka yang lebih bermakna.”

Perlindungan insurans merupakan keperluan yang penting, namun masih sukar diperoleh

Menurut laporan kajian oleh PwC pada tahun 2023, situasi semasa membimbangkan di mana 84% daripada populasi berumur antara 18-34 tahun tidak memiliki insurans¹. Statistik lain juga menggambarkan senario yang membimbangkan dengan seramai 58% dewasa di Malaysia tidak memiliki sebarang insurans hayat atau takaful².

Keadaan itu bertambah buruk dengan peningkatan jenayah siber di negara ini. Kes penipuan dalam talian telah meningkat dua kali ganda dalam tempoh lima tahun dari tahun 2019 hingga 2023³, dengan kerugian yang dianggarkan RM1.3 bilion untuk tahun 2023 (Januari hingga November)⁴.

Keperluan memiliki perlindungan amat kritikal, terutamanya dengan situasi dunia kini yang semakin tidak menentu. Melalui kerjasama ini, Pei-Si dan Junior berharap dapat membantu komuniti yang kurang kemampuan dengan menyediakan produk insurans mampu milik yang tidak mengenakan beban kewangan tambahan pada belanjawan yang sememangnya sudah ketat.

=TAMAT=

1. [PWC survey, April 2023, pg 2-3](#)
2. [BNM Financial Sector Blueprint 2022-2026, pg 10](#)
3. [New Straits Times, March 2024](#)
4. [Malay Mail, Dec 2023](#)

Mengenai GXBank

GX Bank Berhad (GXBank) – dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dengan deposit dijamin oleh Perbadanan Insurans Berhad Malaysia (PIDM) – merupakan bank digital pertama Malaysia yang mula beroperasi pada 1 September 2023. Dengan hampir 99% tenaga kerja rakyat Malaysia daripada sektor kewangan dan teknologi, GXbank menetapkan matlamat untuk mengganggu industri perbankan semasa dengan penyelesaian inovatif tersuai yang memperkasakan rakyat Malaysia untuk menjadi berdaya tahan dari segi kewangan dan menyokong matlamat kewangan mereka.

GXBank merupakan subsidiari kepada GXS Bank Pte. Ltd., - iaitu usaha sama antara Grab Holdings Limited dengan Singapore Telecommunications Limited (Singtel) – dan sebuah konsortium para pelabur Malaysia lain, termasuk Kumpulan Kuok.



Mengenai Zurich Malaysia

Zurich Malaysia adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari www.zurich.com.my